

Britain minat teroka peluang di Labuan

Pesuruhjaya Tinggi Britain jamin kerjasama majukan sektor perniagaan, pelancongan

LABUAN: Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia Charles Hay memberi jaminan untuk bekerjasama rapat dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Perbadanan Labuan khususnya yang melibatkan pelaburan di sektor perniagaan dan pelancongan.

Beliau berkata, pihaknya amat berminat mencari peluang di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan Labuan untuk membawa usahawan dari Britain melabur dengan harapan mereka diberikan maklumat yang mencukupi tentang potensi Labuan dalam pelbagai industri.

“Kami sentiasa berminat mencari peluang di seluruh Malaysia termasuk Labuan, walaupun tidak mempunyai maklumat mencukupi sama ada terdapat usahawan dari Britain beroperasi di pulau ini atau sebaliknya.

“Sudah tentu, industri minyak dan gas begitu aktif di sini dan saya yakin terdapat syarikat dari Britain yang beroperasi dalam sektor minyak di Labuan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas diraikan dalam satu jamuan makan tengah hari di Kelab Golf Antarabangsa Labuan (LIGC) anjuran Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Charles berkata, Labuan mempunyai sejarah ketika berlakunya Perang Dunia



KENANGAN: Charles Hay dan rombongan bergambar kenangan bersama Dr Fary Akmal dan staf Perbadanan Labuan sempena Majlis Makan Tengah Hari di LIGC, baru-baru ini.

Kedua di mana sejumlah tentera Britain yang terkorban telah disemadikan di Tugu Peringatan Perang di Tanjung Taras.

“Ini sekaligus membuktikan sebahagian besar rakyat Britain mengenali Labuan dan pada masa yang sama dapat membantu mempromosikan pelancongan Labuan,” katanya.

Charles bersama rombongan telah melawat Tugu Peringatan Perang Dunia Kedua di Tanjung Taras yang menempatkan 3,800 pusara tentera bersekutu termasuk tentera British yang dibina dan

dikawal selia oleh Suruhanjaya Perkuburan Perang Komanwel.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan Dr Fary Akmal Osman, Panglima Wilayah Udara Dua, TUDM Labuan Mejar Jeneral Dato’ Shamsudin Kassim, Ketua Polis Labuan Superintendan Muhamad Farid Ahmad, Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Labuan Prof Madya Dr. Geoffery Harvey Tanakinjal dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) Perbadanan Labuan Fadzilah Mahmud.



CENDERAMATA: Dr. Fary Akmal (tengah) menyampaikan cenderamata kepada Charles sambil diperhatikan Dr Geoffey.